



**JPS NEGERI PERAK**  
**NOTIS SEBUT HARGA KERJA**

**JPS/IP/P/PK/S.H/12/2024 (ME)**

**PROJEK MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL UNTUK KAWALAN BANJIR DI PINTU AIR KAYAN B, PINTU AIR SG. DEDAP A DAN PINTU AIR SG. DEDAP B, DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN.**

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Negeri Perak** dan mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** serta, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G2** Kategori **ME** Pengkhususan **M15**.

**(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 60 hari dari tarikh tutup iklan ini)**

2. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** (Petender hendaklah kemukakan Sijil Pendaftaran Asal CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) & PPK (Sijil Taraf Bumiputera), SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat. **Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan**. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **04/07/2024 (KHAMIS)**

Masa : **10:30 pagi - 11:00 pagi** (Pendaftaran)  
**11:00 pagi** (Jangkaan Taklimat)

Tempat : **JPS PERAK TENGAH**

(Perhatian: Kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil untuk hadir lawatan tapak)

3. Kontraktor dikehendaki membuat semakan kelayakan melalui pautan <http://s3pk.perak.gov.my/IklanDetails.aspx?refNo=PRO240621154130692> atau melalui imbasan QR Kod di bawah bermula dari tarikh **25/06/2024** bermula jam **08:00 pagi** sehingga **04/07/2024** jam **12:00 tengah hari** sahaja. Sila klik butang Berminat untuk tujuan pendaftaran Sebut Harga kerja ini.
4. Emel yang mengandungi no siri unik akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun dari laman sesawang S3PK Negeri Perak, bermula dari **05/07/2024** sehingga **09/07/2024** setelah menerima emel pengesahan kehadiran.
5. Dokumen sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JPS NEGERI PERAK, BAHAGIAN KEWANGAN , JPS NEGERI PERAK, TINGKAT 4 BANGUNAN SERI PERAK DARUL RIDZUAN** Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Perak, Tingkat 4 & 5 , Bangunan Seri Perak Darul Ridzuan, 30000 Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh Perak **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 tengah hari, hari SELASA, 16/07/2024**.
6. Sebarang pertanyaan sila emel ke **sebutharga.jpsperak@gmail.com** .

Ir. Ts. Ahmad Shahrir Bin Md. Naziri  
Pengarah

24/06/2024